

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
KEMENTERIAN PENDIDIKAN							
URUS SETIA MAJLIS PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL BRUNEI DARUSSALAM (URUS SETIA MPTVBD)							
1			✓	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memastikan setiap program BDTVEC sentiasa dalam piawaian kebangsaan (<i>national standards</i>) • Untuk menilai pencapaian pelajar berdasarkan <i>Certification and Assessment Guidelines</i> yang dikeluarkan oleh BDTVEC. 	<p>BDTVEC yang ditawarkan adalah mengikut dasar dan garispandu yang telah ditetapkan. Sebelum ini urus setia MPTVBD telah melantik beberapa pemeriksa luar (<i>external moderator</i>) dari luar negara bagi setiap BDTVEC program yang dilantik setiap dua tahun akademik. Mereka ini dikehendaki untuk membuat lawatan kerja ke institusi berkenaan setiap tahun bagi memastikan setiap program yang dijalankan oleh institusi pendidikan teknik dan vokasional kerajaan (<i>Vocational Technical Institution-VTI</i>) dan Institut Pendidikan Swasta (<i>Private Registered Training-RTO</i>) mengikut piawaian kebangsaan kelayakan yang dianjurkan oleh BDTVEC.</p> <p>Mulai Febuari 2016, Urus Setia MPTVBD tidak lagi melantik mana-mana pemeriksa luar disebabkan program BDTVEC tidak lagi ditawarkan pengambilannya. Oleh yang demikian, pihak urus setia MPTVBD melalui Unit Kawalan Kualiti kini mengambil alih dengan membuat pemantauan kepada program-program yang masih dijalankan oleh pihak VTI dan RTO dengan mengadakan lawatan dan pemeriksaan melalui mesyuarat SAR (<i>Students' Assessment Result</i>) iaitu mesyuarat menilai keputusan-keputusan pelajar yang mengikuti program BDTVEC.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masih tidak selaras dengan jumlah unit yang disenaraikan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa mengingatkan pegawai/tenaga pengajar yang berkenaan untuk terus merujuk kepada buku dasar dan <i>programme guideline</i> BDTVEC 	Program-program BDTVEC sentiasa dipantau setiap kali mesyuarat SARC diadakan
2			✓	<p>Penilaian Kertas Soalan Umum (<i>Common Paper Assessment-CPA</i>) adalah salah satu mekanisma dalam membuat penilaian keputusan pelajar dengan meningkatkan kualiti kertas soalan di setiap RTO swasta terutama sekali bagi ketiga-tiga program BDTVEC berkenaan.</p> <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan soalan-soalan peperiksaan yang disediakan mengikut standard dan proses yang telah ditetapkan • Memastikan markah yang diperolehi oleh setiap pelajar yang mengambil peperiksaan CPA disemak dan dinilai dengan betul dan teratur mengikut proses penilaian melalui tiga orang penilai markah • Membantu meningkatkan konsistensi, kebolehpercayaan (<i>trustworthy</i>) dan kesahihan (<i>validity</i>) penilaian yang diberikan • Membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pemarkahan 	<p>Bermula pada April 2016, Urus Setia MPTVBD menjadi penyelaras bagi penyediaan kertas-kertas soalan peperiksaan (<i>Common Papers Examination</i>) untuk ke empat-empat RTO swasta yang menjalankan program BDTVEC. RTO swasta berkenaan termasuk Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS), Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT), Pemuda Institute (KI) dan Micronet International College (MIC).</p> <p>Penyediaan kertas-kertas soalan berkenaan adalah mengikut proses yang telah disediakan dan dipersetujui bersama pihak Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE). Penilaian kertas-kertas soalan peperiksaan ini adalah bagi program-program BDTVEC sahaja iaitu Diploma Business and Finance, Diploma in Information Technology dan Diploma in Mathematics di RTO swasta. Proses-proses yang dikendalikan itu termasuk penyediaan kertas-kertas soalan, pemilihan tarikh, masa dan tempat pemeriksaan diadakan dan pengawas peperiksaan. Setelah selesai setiap peperiksaan, kertas-kertas jawapan pelajar diedarkan kepada dua orang pemarkah yang telah dilantik dan seterusnya dihadapkan kepada pemarkah dari luar (<i>external verifier</i>) yang dilantik dari pihak IBTE untuk menyemak dan memutuskan markah yang sah dan terakhir (<i>final marks</i>) bagi kesemua kertas-kertas jawapan pelajar.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mencari kekosongan bilik/dewan peperiksaan yang sesuai • Kelambatan dalam menerima kertas soalan daripada pengajar yang dilantik • Kesukaran dalam melaksanakan keseluruhan proses pada masa yang tepat <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memohon pihak RTO swasta mencari bilik/dewan untuk peperiksaan • Membuat susulan yang berterusan samada melalui telefon atau secara bertulis • Membantu pihak RTO swasta dalam menyediakan dokumen yang diperlukan (senarai kedatangan, guru pengawas) 	Menghasilkan kertas-kertas soalan yang lebih teratur dengan mengikut standard yang disediakan

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
3	BDTVEC Secretariat Result Analysis Programme (RAP)		✓		Objektif RAP adalah untuk membantu Unit Jaminan Kualiti dalam: <ul style="list-style-type: none"> • memantau kualiti keputusan akademik dan prestasi setiap empat RTO; dan • membantu membuat perbandingan dan pencapaian prestasi pelajar dan RTO 	RAP adalah satu pangkalan data (database) yang direka khas untuk salah satu unit di bawah Urus Setia MPTVBD iaitu Unit Jaminan Kualiti bagi memantau perkembangan dan kemajuan pelajar-pelajar di setiap institusi pendidikan tinggi swasta atau dipanggil RTO (Registered Training Organisation) di Negara Brunei Darussalam. Terdapat empat buah RTO yang dipantau oleh Urus Setia MPTVBD iaitu Micronet International College (MIC), Kemuda Institute (KI), International Graduates Studies College (IGSC) dan Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT).	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> • Sukar untuk mencari, mengenalpasti, mengubah atau mereka semula program ini jika terdapat kesilapan pada pembuatan bahasa HTML dan PHP. Kerana kesilapan pada pembuatan bahasa HTML dan PHP boleh menjejaskan proses yang telah ditetapkan didalam program ini • Program ni akan mengambil masa sedikit lama untuk menambah atau memasukkan maklumat yang baru kerana maklumat tersebut perlu dimasukkan satu persatu ke dalam pangkalan data (database) 	Dapat membantu dalam pemantauan keputusan pelajar di Insitituti Tinggi bukan kerajaan (RTO) dengan lebih efektif dan efisien
					Program ini dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada awal bulan Oktober 2016 oleh Unit berkenaan. Program ini tidak melibatkan mana-mana agensi luar. Ianya hanya akan digunakan bagi keperluan unit berkenaan dan unit-unit lain di bawah Urus Setia MPTVBD jika diperlukan.	menggunakan fungsi yang telah disediakan didalam program ini		
BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA								
4	Garis panduan bagi Penubuhan/ Pendaftaran Baru Institusi Pendidikan Swasta	✓				Proses permohonan penubuhan/pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta Baru akan dipendekkan dari sekurang-kurangnya 33 hari kepada 15 hari sahaja.		
5	Garis panduan bagi Penubuhan Lembaga Pengelola (Board of Governor)	✓				Pihak Institusi Pendidikan Swasta (IPS) akan lebih jelas mengenai kepentingan penubuhan Lembaga Pengelola yang termaktub dalam Akta Pendidikan (Penggagal 210) dan seterusnya memberikan IPS tatacara penubuhan dan pemilihan ahli-ahlinya.		
6	Garis panduan bagi Kadar Yuran/Kenaikkan yuran Institusi Pendidikan Swasta	✓				Dasar baru untuk menetapkan sesuatu kadar yuran atau kadar kenaikan yuran yang dibenarkan bagi rujukan semua IPS		
7	Garis panduan Penyambungan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta	✓				Satu pindaan terhadap tempoh penyambungan akan dikendalikan berdasarkan tahap pematuhan IPS terhadap Akta Pendidikan (Penggagal 210) serta peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak-pihak berkenaan yang berkaitan dengan penyambungan pendaftaran bagi IPS		
8	Kertas kerja Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)		✓			Cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menimbangkan permohonan bagi penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) baru di Negara Brunei Darussalam bagi menepati keperluan Negara selaras dengan perubahan semasa		
9	Program Perkembangan Profesionalisma Melibatkan Ketua Kluster dan Pemimpin Sekolah Serta Pegawai-Pegawai Kementerian Pendidikan Bersama Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS)			✓	Seramai 27 orang wakil Kementerian Pendidikan yang terdiri dari ketua kluster, pemimpin sekolah, pegawai Jabatan Kenaziran Sekolah dan Pegawai Bahagian Pendidikan Swasta telah menghadiri program ini.	Program ini adalah bagi pengalihan ilmu pengetahuan (transfer of knowledge) dari pihak JIS kepada pihak pemimpin sekolah kerajaan dan ketua kluster serta pegawai Jabatan Kenaziran Sekolah dari aspek penghasilan Key Performance Indicator (KPI) khas bagi mereka dari berbagai peringkat dalam sesebuah sekolah		
10	Program 'Study Buddy' bagi tahun 2017	✓			Sedang dikendalikan dan dijangka sehingga sebelum Penilaian Sekolah Rendah (PSR)	Program ini melibatkan sejumlah 117 pelajar Jerudong International School (JIS) dan The International School (B) (ISB) ke sekolah-sekolah kerajaan sebagai tambahan kepada kapasiti intervensi yang dikendalikan disekolah-sekolah kerajaan yang berfokuskan membantu pelajar tahun 6. Program ini telah bermula pada Januari 2017.		

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
11	Program Penempatan Dua Orang Guru Sekolah Kerajaan iaitu Seorang Bagi Mata Pelajaran Matematik dan Seorang Lagi Guru Mata Pelajaran English Sekolah Kerajaan di Jerudong International School (JIS)			✓	Sehingga kini guru yang terlibat mengendalikan sesi kongsisama disekolah masing-masing. Guru program Matematik telah pun mengendalikan sesi kongsisama bersama seramai 39 orang guru Matematik sekolah rendah Kluster 1 dan 2 dan ini akan disambung bersama kluster-kluster lainnya.	Program ini adalah bagi mendokong inisiatif peningkatan literasi dan numerasi disekolah-sekolah rendah kerajaan dengan usaha Multiflier Effect yang dikendalikan oleh guru-guru yang terlibat dalam program penempatan disebarluaskan kepada semua guru-guru rendah kerajaan mata pelajaran Matematik dan English. Jadual sesi kongsisama telah diaturkan bagi kedua-dua guru yang ditempatkan di JIS tersebut untuk mengendalikannya kepada guru-guru mata pelajaran Matematik dan English Sekolah Rendah Kerajaan.		
12	Menghasilkan Program Sistem Digital Pengemaskinian Kutipan Hasil Selaras dengan Pendaftaran-Pendaftaran		✓			Sistem yang diusahakan bermula Januari tahun 2017 ini bertujuan bagi memperkukuhkan lagi tindakan-tindakan yang berkaitan dengan kutipan hasil untuk lebih <i>efficient</i> dan sentiasa dikemaskini.		
13	Memantapkan Sistem Pendaftaran bagi Institusi Pendidikan Swasta (IPS), Lembaga Pengelola Sekolah, Guru dan Murid IPS dengan Penyediaan Borang-Borang di Website Kementerian Pendidikan		✓			Usaha ini selain daripada memudahkan para pelanggan, juga mengurangkan perbelanjaan Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) dalam penggunaan kertas.		
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP (KEMENTERIAN PENDIDIKAN)								
14	Projek Mendatangkan 2 Orang Pengetua dan 3 Orang Guru Besar dari Luar Negara bagi Sekolah Rendah dan Menengah / Maktab Kerajaan Kementerian Pendidikan			✓	<ul style="list-style-type: none"> Sebagai 'learning platform' bagi pengetua-pengetua guru-guru besar tempatan agar lebih aktif, berinisiatif serta bermotivasi melalui pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi oleh pemimpin-pemimpin sekolah dari luar negara Mempertingkatkan saingan profesional yang sihat dikalangan pengetua-pengetua dan guru-guru besar tempatan dan memberi impak terhadap peningkatan moral guru-guru Meningkatkan etika, sikap dan komitmen yang positif dikalangan warga sekolah. 	Pencapaian Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang agak mendatar sejak 10 tahun kebelakangan. Kementerian Pendidikan meyakini bahwa kepimpinan sebuah sekolah juga mempunyai pengaruh yang signifikan kepada pencapaian pelajar sekolah. Pemimpin sekolah berperanan penting dalam menentukan hala tuju sekolah yang mereka tadbir. Sebahagian daripada pengetua-pengetua dan guru-guru besar memerlukan pendedahan dan pengalaman terkini dalam aspek-aspek yang tertentu khususnya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Program ini merupakan 'learning platform' bagi pengetua-pengetua dan guru-guru besar tempatan agar lebih aktif, berinisiatif serta bermotivasi melalui pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi oleh pemimpin-pemimpin sekolah dari luar negara.		
UNIT PENDIDIKAN KHAS								
15	Seminar dan Bengkel Kebangsaan Numerasi 2016: Tema : Mengukuhkan Pengajaran dan Pembelajaran Asas Numerasi			✓	<p>Seminar dan bengkel ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru dalam strategi pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi membantu pelajar-pelajar yang berisiko / <i>low achievers</i> yang memerlukan pemulihan dalam Matematik. Dapatkan pembelajaran atau <i>learning outcomes</i> bagi guru-guru selepas menyertai Seminar dan Bengkel Kebangsaan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> Boleh mengenalpasti pelajar-pelajar yang mempunyai cabaran dalam penguasaan numerasi iaitu dari segi mengetahui <i>learning gaps</i>, <i>learning progression</i> dan <i>error analysis/patterns</i>. Boleh menggunakan strategi pengajaran untuk mengukuhkan lagi kefahaman 	Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas telah menganjurkan Seminar dan Bengkel Kebangsaan Numerasi dari 09 hingga 11 Mei 2016/ Tema seminar dan bengkel ini menitikberatkan mengenai Pengukuhan Pengajaran dan Pembelajaran Asas Numerasi adalah selaras dengan salah satu inisiatif utama Kementerian Pendidikan iaitu peningkatan pencapaian pelajar dalam numerasi. Dua orang pegawai kanan yang berkemahiran dalam bidang Matematik dari Kementerian Pendidikan, Singapura telah diundang untuk mengendalikan seminar dan bengkel tersebut. Kedua Pegawai berkenaan juga akan menyusul Resource Numeracy Package dan membincangkan cadangan pembaikan.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Memerlukan lebih masa untuk bengkel. Adalah lebih baik jika ditambah dengan tajuk-tajuk yang lain yang relevan seperti <i>multiplication</i>, <i>division</i>, <i>word problems and decimal</i> serta strategi pengajaran yang lain. Memerlukan lebih tunjuk ajar mengenai proses pengajaran dan pembelajaran dalam memahami konsep dan bagaimana mengaitkan dengan prosedur iaitu: <i>conceptual knowledge, procedural knowledge and declarative knowledge</i>. Bilik Persidangan UPK yang digunakan semasa bengkel agak terhad dan tidak luas. Tempat mengadakan Bengkel di Bilik Persidangan Utama UPK, Gadong agak sempit dan terhad. 	Seminar dan bengkel telah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru dalam strategi pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang berisiko yang memerlukan pemulihan dalam matematik

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
				<ul style="list-style-type: none"> Boleh merancang program intervensi bagi pelajar tersebut dengan menggunakan strategi pengajaran bagi memperkukuhkan pemahaman konsep Berperanan sebagai focal person/guru resource/Mentor yang dapat membantu guru-guru lain dalam meningkatkan kemahiran mereka khususnya untuk mengajar pelajar-pelajar yang mempunyai cabaran dalam penguasaan asas numerasi. Mengongsikan dapatan dan pengetahuan, kemahiran serta amalan terbaik yang diperolehi dengan guru-guru sekolah khususnya Multiplier Effect. 	Kira-kira 435 orang terdiri daripada guru-guru besar, pegawai-pegawai dari beberapa jabatan di Kementerian Pendidikan, guru-guru Special Education Needs Assistance (SENA), guru-guru Learning Support Teacher (LST) dan Home Room Teacher telah menghadiri seminar pada 9 Mei 2016. Manakala bengkel telah diadakan selama dua hari di sebelah petang dari 10 hingga 11 Mei 2016 bagi 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai UPK, guru-guru Special Educational Need Assistance (SENA) dan ahli komiti numerasi.	<p>Bahan-bahan yang hendak dipamerkan juga terbatas disebabkan kawasan agak terhad.</p> <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemaskini Package Numeracy yang disediakan oleh Unit Pendidikan Khas mengikut cadangan dan sasaran daripada konsultant Mengendalikan latihan perkembangan secara berterusan bagi guru-guru SENA Mengadakan mentoring session bagi guru-guru SENA dari untuk mempertingkatkan porsis pengajaran Mengongsikan dapatan dan pengetahuan, kemahiran serta amalan terbaik yang diperolehi dengan guru-guru sekolah khususnya, "multiplier effect" 	
16 Peraduan Information Technology (IT) Challenge Khas untuk guru-guru ICT Menengah dan Belia-Belia Berkeperluan Khas 2016 / Local Information Technology Competiton (LITC) for youths with disabilities 2016			<p>Objektif utama peraduan IT challenge adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> Bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran guru-guru ICT yang mengajar disekolah dalam bidang ICT untuk meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar berkeperluan khas Untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan bagi pelajar berkeperluan khas dalam peraduan-peraduan IT, sama ada di dalam atau di luar negeri Untuk mendedahkan pelajar-pelajar berkeperluan khas dengan penggunaan IT dalam pengajaran dan pembelajaran berkomunikasi Untuk memperkembangkan kreativiti dan kemahiran abad ke-21 para pelajar melalui penggunaan IT <p>Melalui pertandingan LTC, pelajar-pelajar dapat meningkatkan 21st century skills selaras dengan SEAMEO 7 Priority Areas iaitu No 7: Adopting 21st Century Curriculum. LITC juga menggalakkan pelajar berkeperluan khas untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sekolah yang berkaitan dengan ICT. Empat orang pemenang peraduan IT challenge telah mewakili Negara Brunei Darussalam dalam Global Information Technology Challenge (GITC) 2016 di Yangzhou City, Jiangsu Province di China pada 21 hingga 25 November 2016. Pelajar-pelajar berkenaan telah memperolehi 1 pingat emas, 1 pingat perak, 1 best challenger award dan 1 excellent challenger award. Dalam GITC, pelajar-pelajar berkenaan telah meningkatkan imej dan profil Brunei Darussalam di negara serantau dalam bidang ICT</p>	<p>Pada masa ini, terdapat sejumlah kira-kira 2000 orang pelajar-pelajar berkeperluan khas berada di sekolah. Akses kepada maklumat dan persekitaran pembelajaran melalui ICT adalah sangat penting dalam kehidupan pelajar berkeperluan khas di era digital ini kerana ia berpotensi untuk memberi taraf dan peluang pembelajaran yang sama dengan rakan sebaya.</p> <p>Guru-guru mengajar mata pelajaran ICT perlu mempunyai pengetahuan yang meluas tentang kemudahan "accessibility" komputer hari ini, dan juga perisian bantuan yang direka bentuk untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas. Ini akan memastikan pelajar-pelajar mereka, termasuk yang berkeperluan khas menjadi celik digital dan tidak ketinggalan daripada menikmati kemahiran abad ke-21.</p> <p>Untuk mencapai matlamat ini, UPK telah merancang untuk menganjurkan bengkel latihan singkat ICT dan peraduan ICT challenge khas untuk guru-guru ICT sekolah menengah dan seterusnya pelajar-pelajar berkeperluan khas sekolah menengah. Tambahan, peraduan ini adalah merupakan persiapan awal bagi peraduan serantau "Global IT Challenge (GITC) for youths with disabilities" yang diadakan disetiap tahun di negara-negara rantau Asia Pasific. Ia juga diadakan sebagai kaedah bagi pemilihan wakil negara dikalangan pelajar-pelajar berkeperluan khas di peraduan GITC.</p> <p>Seramai 17 orang pelajar berkeperluan khas yang menunjukkan potensi telah mengikuti Peraduan IT challenge yang mengandungi empat kategori iaitu e-tool, e-life, e-Design dan cabaran e-kreativiti pada 16 hingga 22 Jun 2016.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Latihan/bengkel bagi guru-guru adalah terhad memandangkan guru-guru banyak terlibat dalam latihan perkembangan profesionalisme di sekolah dan anjuran Jabatan lain. Tidak ramai penyertaan dari sekolah memandangkan kebanyakan pelajar berkeperluan khas yang berpotensi untuk dicalonkan terlibat dalam peperiksaan awam, dan justeru tidak dapat mengikuti peraduan. Pelajar-pelajar yang masih menuntut di tahun 7 dan 8 mempunyai kekurangan dalam kemahiran IT dan memerlukan lebih masa bagi latihan intensif. Disamping itu, pelajar berkenaan juga menghadiri sekolah agama. Masih memerlukan assistive software iaitu Jaws Screen reader untuk dipasang ke dalam komputer. <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <p>Pertandingan LITC, akan diteruskan setiap tahun agar pelajar-pelajar dapat meningkatkan 21st century skills dengan mengambil kira seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> latihan intensif guru dipendekkan dengan diberikan sumber dan panduan secara on line menggalakkan setiap sekolah untuk mencalonkan sekurang-kurangnya 2 pelajar memohon kelonggaran dari sekolah agama bagi pelajar-pelajar mengikuti latihan intensif akan memohon peruntukan secara berterusan untuk pembelian sumber yang relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> Melalui pertandingan LITC, pelajar-pelajar dapat meningkatkan 21st century skills selaras dengan SEAMEO 7 Priority Areas, iaitu Priority No 7: Adopting 21st Century Curriculum. LITC juga menggalakkan pelajar berkeperluan khas untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sekolah yang berkaitan dengan ICT Empat orang pemenang Peraduan IT Challenge telah mewakilkan Negara dalam Global Information Technology Challenge (GITC) 2016 di Yangzhou City, Jiangsu Province di China pada 21 hingga 25 November 2016. Pelajar-pelajar berkenaan telah memperolehi 1 pingat emas (Best Challenger Award) dan 1 Pingat Perak (1 Excellent Challenge Award) Dalam GITC, pelajar-pelajar berkenaan telah meningkatkan imej dan profil Brunei Darussalam di negara serantau dalam bidang ICT 	

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
17	Kem Jati Diri Adalah Anugerah (AAA)	✓			<p>Kem Jati Diri 'AAA' ini julung kalinya diadakan pada tahun ini adalah bertujuan bagi membantu pelajar berkeperluan khas mencapai kesamaan (<i>equality</i>) dengan menggalakkan kepimpinan, proses sosialisasi, berdikari, kemahiran hidup, pembinaan pasukan dan keyakinan diri melalui penyertaan dalam aktiviti perkhemahan.</p> <p>Objektif utama kem ini adalah untuk memberi akses aktiviti sukan dan fizikal kepada pelajar berkeperluan khas dimana aktiviti pertandingan sukan ria seperti dodgeball, bowling botol, tarik kalat dan lain-lain telah diadakan. Disamping itu, solat berjemaah dan mendengar tazkirah dari penceramah Pusat Dakwah Islamiah juga diadakan untuk meningkatkan kerohanian dan jati diri peajar berkenaan. Persembahan kebudayaan dari pelajar-pelajar yang mengikuti kem ini juga disampaikan semasa Majlis Pembukaan Kem Jati Diri Anak adalah Anugerah.</p> <p>Seramai 33 orang pelajar-pelajar lelaki dan perempuan sedang menyertai Kem 3 hari iaitu pada 17 mac hingga 19 mac 2017 di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. Pelajar ini terdiri dari berbagai kategori keperluan iaitu masalah autisme, masalah percakapan dan pertuturan, masalah fizikal, masalah pendengaran, masalah penglihatan dan masalah pembelajaran serta pelajar cerdas pintar dari 14 buah sekolah menengah kerajaan dan swasta.</p>	<p>Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan adalah sebuah unit yang diamanahkan untuk merancang dan melaksanakan program pendidikan khas serta perkhidmatan bantuan yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas. Ini bersesuaian dengan dasar pendidikan khas bagi memberikan persekitaran pembelajaran yang sesuai bagi membentuk dan mewujudkan amalan inklusif.</p> <p>Proses pengajaran dan pembelajaran yang berpanjangan bukan hanya dapat diraih di dalam persekitaran kelas atau suasana di sekolah tetapi proses tersebut boleh dicapai di luar persekitaran sekolah melalui kaedah-kaedah berbeza. Oleh yang demikian, Kem Jati Diri 'AAA' ini telah diadakan untuk menggalakkan sistem inklusif dilkalgan pelajar-pelajar dan memberikan kepelbagaian pendekatan pengajaran dan pembelajaran semasa pelajar berada di luar darjah.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kem Jati Diri 'AAA' ini adalah yang dijulung kali diadakan, justeru belum ada kepakaran dan pengalaman dalam pengurusan kem berkenaan. Disamping itum hanya 2 orang pegawai mempunyai latar belakang dalam bidang sukan • Masa 3 hari adalah singkat untuk mengadakan pelbagai aktiviti bagi pelajar berkeperluan khas • Memerlukan tempat/lokasi yang bersesuaian dengan kem dan kawasan padang dan belapan • Memerlukan bahan-bahan sumber yang bersesuaian untuk memenuhi kehendak dan keperluan pelajar <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kem Jati Diri 'AAA' ini akan diteruskan aktiviti tahunan di bawah program sukan kebajikan dan riadah sewaktu cuti sekolah • Penglibatan dari agensi seperti Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Jabatan Sekolah-Sekolah terutama pihak guru-guru • Melibatkan lebih ramai penyertaan pelajar yang merangkumi pelbagai keperluan • Perancangan yang lebih rapi dan mendalam yang berkaitan seperti lokasi/tempat, sumbet tenaga dan peralatan, perbelanjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu pelajar berkeprluan khas mencapai kesamaan (<i>equity</i>) dengan menggalakkan kepimpinan, proses sosialisasi, berdikari, kemahiran hidup, keyakinan diri melalui penyertaan dalam aktiviti perkhemahan • Meningkatkan kesedaran mengenai aktiviti dan kegiatan yang sedia ada dan boleh dilakukan oleh siapa saja • Memberi galakkan dan sokongan kepada pelajar mengenai kemahiran-kemahiran yang terdapat didalam diri mereka yang selama ini tidak mereka sedari
JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM								
18	Global Money Week			✓	<ul style="list-style-type: none"> • Memupuk kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan sumber kewangan, pengurusan kewangan, keusahawanan dan kesan kewangan kepada kehidupan seharian. • Memberikan pengenalan kepada pelajar-pelajar mengenai konsep dan definisi kewangan sebagai persiapan dimasa akan datang sebelum menceburi bidang perniagaan. • Menggalakkan generasi muda berkecimpung dalam bidang perniagaan sebagai sumber pendapatan hidup. 	<p>Global Money Week adalah minggu aktiviti yang dianjurkan oleh Child and Youth Finance Internatioanal (CYFI) di Asia Tenggara dan Pasifik yang diadakan pada bulan Mac setiap tahun di negara-negara yang telah dikenalpasti oleh CYFI. Sejak tahun 2013, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum telah mengadakan beberapa aktiviti keusahawanan dan perdagangan dengan kerjasama beberapa institusi-institusi kewangan dan perbankan seperti Tabung Amanah Pekerja (TAP), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Bank Baiduri, Bank Islam Brunei Darussalam dan Insuran Islam TAIB yang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memo-memo mengenai pertandingan melukis poster tidak diterima oleh beberapa buah sekolah rendah di daerah pendalaman • Sukarelawan dari pihak AMBD gagal mengutip surat-surat dari para pelajar sekolah rendah mengenai pengalaman lawatan mereka ke institusi-institusi kewangan untuk pertukaran surat diantara sekolah-sekolah <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi guru-guru besar melalui telefon mengenai dengan pertandingan melukis berkenaan. • Pihak JPK telah menghubungi beberapa orang guru dan meminta guru-guru berkenaan supaya mengirimi surat-surat pelajar mereka melalui emel dan seterusnya membuat pertukaran surat melalui emel. 	<p>Aktiviti yang telah dijalankan semasa Global Money Week sedikit sebanyak telah memberi kefahaman dan kesedaran kepada para pelajar mengenai dengan konsep pendidikan kewangan dan kesannya didalam kehidupan seharian.</p>
19	Projek Inisiatif Numerasi: Memperkasa Pedagogi Guru Matematik Rendah dan Menengah			✓	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan maklumat tahap pengetahuan kandungan pedagogi guru-guru matematik rendah dan sikap mereka terhadap mengajar matematik • Meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran matematik • Meningkatkan pencapaian para pelajar dalam matematik ketahap yang lebih baik • Memperkasa pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru-guru matematik 	<p>Projek ini menjurus kepada perkembangan profesional guru matematik sekolah rendah dan menengah dan disokong dengan bahan kurikulum yang selari dengan perisian perkembangan profesional guru-guru.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kedadatangan guru/peserta tidak mencapai 100% <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau pengajaran guru dan penggunaan bahan kurikulum didalam bilik darjah dari semasa ke semasa. 	<p>Latihan bagi guru-guru disampaikan oleh pakar dari Singapura dan pelaksanaannya mengikut plan serta Gantt Chart yang ditetapkan</p>

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
20	Program Keusahwanan Brunei Entrepreneurship Education Scheme (BEES) 2.0			✓	<ul style="list-style-type: none"> Membentuk, membina dan mewujudkan sikap dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar Memberi pendedahan dan latihan yang mendorong pelajar melihat keusahawanan sebagai kerjaya yang boleh diterokai 	<p>BEES adalah program keusahawanan anjuran bersama Kementerian Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam dan Syarikat Minyak Shell Sdn Bhd. Di peringkat sekolah program keusahawanan adalah salah satu aktiviti luar kelas yang bertujuan untuk menanam budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar agar menjadi individu yang berjaya dalam apa jua bidang diceburi. Program ini dilaksanakan menggunakan kaedah yang sistematik didalam perkara-perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Pemikiran keusahawanan (enterpreneurial mindset) Pengetahuan di dalam perniagaan dan cara-cara mengaplikasikannya (pragmatic (business) knowledge with application) Pengetahuan untuk memupuk inovasi dan membina kemampunan (knowledge to instill innovation and develop sustainability) 	<p>CABARAN Menunggu pengesahan dari pihak AGC (mahkamah) mengenai dokumen perjanjian BEES 2.0</p> <p>TINDAKAN SUSULAN Sentiasa menghubungi pihak AGC mengenai dengan status dokumen perjanjian BEES.</p>	Program ini telah berjaya membentuk, membina dan mewujudkan sikap dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar di peringkat menengah
21	Projek Penerbitan Buku Siri Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 5			✓	<ul style="list-style-type: none"> Menampung elemen-elemen sejarah yang tidak termuat dalam mata pelajaran <i>social studies</i> Menggalakkan minat suka membaca dalam kalangan murid bagi mendokong dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ke arah usaha meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi murid-murid di negara ini Sebagai bacaan asas bagi mata pelajaran <i>social studies</i> Memberi pendedahan kepada murid-murid tentang sejarah zaman silam Brunei Memupuk semangat kecintaan terhadap sejarah tanah air Memberi pengetahuan tentang sejarah negara dan mengukuhkan semangat cintakan agama, raja dan negara. 	<p>Sebanyak lima buku siri bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 5 telah dihasilkan dan diterbitkan bagi kegunaan murid-murid Tahun 5 dan tajuk-tajuknya adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Sultan Muhammad Hasan: Hukum Kanun Brunei Brunei Pusat Perdagangan Serantau Sultan Abdul Jalilul Akbar: Marhum Tua Sultan Husin Kamaluddin: Marhum Di Luba Perang Pulau Chermin 	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Membuat penyelidikan dan mengumpul fakta sejarah dan yang berkaitan dengan penulisan buku berkenaan Tempoh masa penulisan adalah terlalu singkat <p>TINDAKAN SUSULAN Mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah rendah kerajaan untuk memantau penggunaan buku-buku tersebut oleh murid-murid tahun 5 dari semasa ke semasa.</p>	Buku-buku yang telah dihasilkan telah diagihkan kepada semua sekolah rendah kerajaan pada Tahun 2017 untuk kegunaan murid-murid Tahun 2015. Mereka dapat memahami tentang pelbagai peristiwa sejarah Brunei dengan membaca buku-buku tersebut.
JABATAN PENDIDIKAN KO KURIKULUM								
22	Mengemaskini Struktur Organisasi Jabatan Pendidikan Kokurikulum Tahun 2017			✓	<ul style="list-style-type: none"> Setiap unit mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang jelas dalam bidang kepakaran masing-masing bagi sama-sama mencapai visi, misi dan matlamat Jabatan Mengukuhkan lagi pendidikan Kokurikulum dalam sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam menghasilkan generasi yang inovatif, dinamik dan berkemahiran Diharapkan setiap unit akan menghasilkan tugas yang lebih jelas, berkualiti, efisien dan cemerlang Memaksimumkan penggunaan sumber tenaga manusia mengikut kepakaran yang diperlukan setiap unit. 	<p>Pengemaskinian Struktur Organisasi ini membahagikan kepada tujuh Unit penting yang mempunyai fungsi masing-masing. Unit-unit tersebut iaitu Unit Rohani, Unit Jasmani, Unit Pentadbiran, Unit Pasukan Beruniform dan Perkhidmatan Masyarakat, Unit Aklil, Unit Perkembangan dan Latihan Sukan dan Unit Strategik dan Perhubungan Maklumat. Terdapat tiga cawangan daerah iaitu, Cawangan Kokurikulum Daerah Belait, Cawangan Kokurikulum Daerah Tutong, dan Cawangan Kokurikulum Daerah Temburong. Struktur Organisasi tahun 2017 ini masih lagi mengekalkan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) dan Audit Dalaman di bawah Pejabat Pengarah. Pihak Jabatan berharap pengemaskinian struktur organisasi ini akan membawa ke arah pengurusan yang lebih teratur serta sentiasa melangkah ke hadapan agar lebih produktif, efisien, inovatif dan dinamik.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyesuaian pegawai-pegawai dengan bidang tugas yang baru. Penempatan pegawai dan kakitangan dengan bilangan yang seimbang mengikut keperluan setiap unit. <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembahagian tugas-tugas diberikan mengikut kepakaran dan pengetahuan pegawai-pegawai Pegawai-pegawai dan kakitangan ditempatkan untuk memenuhi keperluan bidang tugas dan tanggungjawab unit. 	Setiap Unit dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan lebih jelas dan efektif

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
23	Pembentukan Unit Perkembangan dan Latihan Sukan dalam Struktur Organisasi Jabatan Pendidikan Kokurikulum		✓		<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN dan ASIA iaitu ASSC, ASSF dan ASFF. Menyediakan pegawai/jurulatih untuk melaksanakan program bagi sukan-sukan tertentu Menyelaras dan melaksanakan program/latihan bagi kejurulatihan dan penyediaan peralatan sukan Memantau pelaksanaan program dan skim latihan sukan pasukan MSSBD di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa Menyediakan dan merekod data-data pencapaian atlet untuk rujukan dari masa kesemasa Membantu penilaian prestasi atlet yang telah mengikuti perkembangan dan latihan sukan untuk disertakan dalam pasukan MSSBD 	Unit Perkembangan dan Latihan Sukan (UPLS) berfokus kepada penyediaan atlet/pemain dari kalangan pelajar sekolah sahaja yang berumur 12 tahun, bawah 15 tahun dan 18 tahun. Latihan dan program perkembangan sukan tertakluk kepada jenis sukan yang dianjurkan oleh persatuan, organisasi tertentu, iaitu jangka pendek, tahunan dan juga berterusan. UPLS lebih menumpukan kepada kejohanan-kejohanan yang dianjurkan oleh pihak sekolah antaranya iaitu seperti Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASC) yang dianjurkan oleh ASEAN Schools Sports Council (ASSC) setiap tahun serta kejohanan bola sepak sekolah-sekolah Asian yang dikelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Asia (ASFF)	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pegawai-pegawai perlu bersedia bertugas / bekerja diluar waktu bertugas Pegawai-pegawai / jurulatih perlu update dalam kemahiran dan kepakaran bidang sukan Menyediakan peralatan/perkakas sukan untuk digunakan sepanjang latihan diadakan (sepanjang tahun) Penyediaan tempat latihan bagi latihan-latihan sukan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pegawai-pegawai/jurulatih sentiasa diberikan kursus dan latihan bagi menambah dan menghalusi kepakaran dalam bidang sukan termasuk dalam etika kejurulatihan Merancang lebih bijak dalam penggunaan kewangan / peruntukan yang diberikan bagi unit ini bagi pembelian peralatan/perkakas kegunaan latihan-latihan sepanjang tahun. 	Terbentuknya program dan skim-skim sukan khusus bagi pelajar-pelajar sekolah untuk menghasilkan atle-atlet muda mewakili negara dalam kejohanan-kejohanan tertentu
24	Membentuk Task Force Penyemakan Semula Buku Dasar Pelaksanaan Aktiviti KoKurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum		✓		<ul style="list-style-type: none"> Dapat menghasilkan Buku Dasar yang lengkap sebagai panduan sekolah-sekolah dalam merancang dan melaksanakan aktiviti kokurikulum yang akan menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 Buku Dasar ini dapat mempertingkatkan lagi sistem pengurusan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah agar semua yang terlibat akan mendapat faedah dalam usaha memartabatkan Sistem Pendidikan Negara Abad ke 21 (SPN21) dan seterusnya menjamin kecemerlangan Proses pengajaran dan pembelajaran Semua sekolah hendaklah melaksanakan dan mematuhi dasar yang terdapat didalam buku ini. 	Task Force ini dibentuk bagi meneliti dan menilai semula keberkesanan Buku Dasar Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum sekolah-sekolah rendah, Menengah dan maktab-maktab yang diterbitkan pada tahun 2007 melalui kajsilidik dan data-data yang diperolehi dari Unit kegiatan Luar Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah. Pengemaskinian Buku Dasar ini adalah bagi penyelarasan Sistem Pendidikan Negara Abad 20 (SPN21) serta bagi memenuhi hasrat Wawasan Negara Brunei 2035. Ianya dihasratkan dapat digunakan sebagai garis panduan dan rujukan dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengumpul dan mendapatkan data-data maklumat dan kajsilidik yang dilaksanakan mengambil masa untuk didapatkan Mendapatkan feedback dari sekolah-sekolah memakan masa <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan data-data maklumat yang diperlukan bagi mengemaskini dan menggubal dasar pelaksanaan aktiviti kokurikulum dengan agensi-agensi yang berkepentingan seperti Jabatan Sekolah-Sekolah dan lain-lain. Menyusul feedback dari sekolah-sekolah mengenai kajsilidik yang dibuat oleh jabatan Mengadakan mesyuarat dengan pemimpin-pemimpin sekolah mengenai pelaksanaan Dasar yang akan dikemaskini dan digubal untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah. 	
JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH - SEKOLAH								
25	Penilaian Keseluruhan Sekolah / Whole School Evaluation (WSE)		✓		<p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan ke arah Wawasan Brunei 2035 Menilai prestasi sekolah dari segi kualiti pembelajaran dan pengajaran yang disediakan, menghasilkan laporan dan menghadapkan hasil penilaian mengenai standard pendidikan yang ada di negara ini kepada Menteri Pendidikan Memberi khidmat sokongan dan nasihat kepada pengetua-pengetua, guru-guru besar atau guru-guru utama dalam sistem sekolah iaitu (i) Kepimpinan dan Pengurusan, (ii) Pembelajaran dan Pengajaran, (iii) Etos dan Persekitaran dan (iv) Hasil Pembelajaran Pelajar Menigkat dan mengekalkan pendidikan berkualiti tinggi seluruh negara Membangun bank data dan komiti Bahagian Pengurusan Data profil prestasi sekolah bagi menyimpan maklumat / data kemajuan dan perkembangan sekolah. 	Penilaian Keseluruhan Sekolah (WSE) merupakan tugas teras Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, iaitu selaras dengan Perintah Pendidikan 2003 Bahagian (x). WSE adalah penilaian bersifat kualitatif, ber sistematik yang menggunakan pendekatan berasaskan bukti untuk mengukur kualiti pendidikan yang disediakan di setiap sekolah. Penilaian dilaksanakan melalui pencerapan pembelajaran dan pengajaran, penelitian dokumen, pemerhatian sekolah dan temu bual.		

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
				<p>SASARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya 20 buah sekolah akan dinilai pada setiap tahun, diprofil dan dilaporkan kepada Menteri Pendidikan dan pihak atasan yang berkenaan (Bilangan sekolah yang dinilai adalah tertakluk kepada kapasiti Jabatan) • Penyediaan bank data dan komiti pengurusan data bagi tujuan menyimpan maklumat / data kemajuan dan perkembangan sekolah • Setiap sekolah yang dinilai akan menghasilkan Pelan Tindakan Penambahbaikan (School Improvement Plan) dan Perkembangan Sekolah (School Development Plan). Pelaksanaan pelan tindakan akan dipantau oleh Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah menyusul dan memberi sokongan • Menjelang tahun 2023, semua sekolah (35 buah sekolah menengah dan 117 sekolah rendah) sekurang-kurangnya akan dinilai dan dapatan penilaian akan diprofilkan. <p>KPI</p> <p>Perincian KPI tahun 2018 adalah seperti berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> • 13% (20/153) buah sekolah yang diperiksa akan diberi khidmat sokongan • Semua laporan sekolah yang dinilai dihadapkan mengikut tarikh yang ditetapkan • Semua sekolah yang sudah dinilai menyediakan Pelan Tindakan Penambahbaikan (School Improvement Plan) dan Perkembangan Sekolah (School Development Plan) • Wujud 1 bank data dan komiti Bahagian Pengurusan Data untuk profil prestasi sekolah bagi tujuan menyimpan maklumat / data kemajuan dan perkembangan sekolah. 			
26 Whole School Evaluation : School Self-Evaluation (SSE)	✓			<p>OBJEKTIF</p> <p>Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk budaya akauntabiliti, sokongan dan penglibatan semua warga sekolah dalam menilai kualiti penyediaan pendidikan di sekolah mereka, bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan. Dengan kata lain memupuk budaya melaksanakan penambahbaikan sekolah hasil dari penilaian sendiri sekolah.</p> <p>SASARAN</p> <p>Dimasa akan datang sekolah akan mantap dalam penggunaan Penilaian Kendiri Sekolah (SSE)</p> <p>KPI</p> <p>Tahun 2018:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua sekolah kerajaan mampu melaksanakan penilaian sendiri sekolah (SSE) • Sekurang-kurangnya 15% (23/153) daripada semua sekolah kerajaan akan melalui penilaian luaran oleh Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah dalam masa setahun (setiap sekolah akan melalui proses penilaian putaran 5 tahun) 	<p>Sekolah melaksanakan penilaian sendiri (SSE) berpandukan (WSE) instrumen yang dibentuk oleh Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah. Keseluruhan proses penilaian dalaman ini disokong sepenuhnya oleh nazir-nazir (penyelaras) yang dilantik. Hasil penilaian sendiri sekolah ini akan diteliti semula oleh sepasukan nazir dari Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah melalui Penilaian WSE. JKSS berperanan sebagai rakan strategik dan nazir yang dilantik akan memberi khidmat sokongan melalui nasihat kepada pihak kepimpinan sekolah dalam penambahbaikan dan perkembangan sekolah. Kemajuan dan impak penilaian sekolah akan dikaji semua, dilaporkan serta direkodkan dalam bank data.</p>		

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
27	Standard Guru Brunei / Brunei Teacher's Standards (BTS) - Teacher Performance Appraisal (TPA)	✓			<p>OBJEKTIF Meningkatkan standard pendidikan di seluruh negara melalui pelaksanaan penilaian prestasi guru menggunakan BTS-TPA</p> <p>BAGI GURU-GURU:</p> <ul style="list-style-type: none"> Membimbing guru-guru untuk menilai semula amalan pengajaran dan mendorong mereka mencapai pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti tinggi, melalui pencerapan pengajaran dan maklumbalas dari SMT dan Nazir Menanamkan sikap guru supaya lebih terbuka bahawa profesion guru adalah kerjaya yang memberi kepuasan. Mereka juga perlu memberika hasil maksima seperti yang diharapkan. <p>BAGI PELAJAR-PELAJAR</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendidik pelajar mengambil berat dan bertanggungjawab tentang pendidikan mereka dan lebih terlibat di masa depan Bersedia mengikuti pembelajaran yang mencabar, menarik, bermotivasi, interaktif dan bermanfaat serta mandiri <p>SASARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Latihan/Bengkel pengukuhan - (<i>refresher course</i>) bagi peneraju (<i>champions</i>) BTS dan Pasukan Pengurusan Sekolah (<i>Senior Management Team - SMT</i>) untuk meningkatkan kefahaman mengenai BTS-TPA Latihan/Bengkel kefahaman BTS-TPA untuk SMT baru seluruh negara <p>KPI Tahun 2018: Daripada 2000 orang guru dicerap sebanyak 25.1% orang guru sekurangnya mencapai gred 3 (sangat baik/baik)</p>	Melatih peneraju (<i>champions</i>) BTS, pasukan Pengurusan Sekolah (<i>Senior Management Team - SMT</i>), ahli pasukan HoC dan pegawai dari JPI dalam penggunaan BTS-TPA untuk mengukuh kefahaman mengenai BTS-TPA serta meningkatkan standard kecekapan pengajaran semua guru di Brunei Darussalam. BTS dibahagikan kepada dua domain: (i) Pengetahuan dan Kemahiran Profesional dan (ii) Penglibatan Profesional. Fokus utama Domain 1 ialah (i) Melibatkan pelajar dalam pembelajaran mencabar minda, (ii) Pembelajaran berasaskan kandungan dan kaedah yang dirancang dengan teliti, (iii) Tugas disesuaikan dengan keperluan individu pelajar, dan (iv) Menggunakan penilaian dan pelaporan yang berkesan.		
28	Nazir Kluster		✓		<p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk berkomunikasi / berhubung dengan semua pemimpin sekolah di setiap kluster bagi perkara yang berkaitan dengan BTS-TPA dan SSE. Bertanggungjawab mengenai isu berbangkit khususnya BTS-TPA serta SSE Bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah melaksanakan TPA mengikut protokol yang betul seperti yang digariskan dalam buku panduan TPA Bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah melaksanakan SSE mengikut panduan seperti yang digariskan dalam buku panduan WSE:SSE Mengumpul dan menganalisis borang TPA yang telah selesai dibuat oleh pihak sekolah bersama-sama dengan ahli-ahli pasukan Memberi maklum balas kepada sekolah-sekolah mengenai kualiti TPA yang dihasilkan Memberi sokongan, nasihat dan bimbingan berkaitan dengan BTS-TPA dan SSE serta apa jua penambahbaikan dan inisiatif perkembangan sekolah 	Pewujudan dan pelantikan nazir kluster bertanggungjawab untuk memberikan khidmat sokongan kepada pihak sekolah serta menyelia kemajuan dan perkembangan kecekapan pengajaran BTS dan pelaksanaan sistem TPA. Nazir kluster bertanggungjawab untuk memberi khidmat sokongan kepada pihak sekolah serta memantau pelaksanaan sistem dan proses penilaian sendiri sekolah (SSE) supaya sekolah sentiasa bertanggungjawab untuk merancang serta melaksanakan penambahbaikan sekolah (School Improvement) secara berterusan.		

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
					<p>SASARAN Semua Nazir Kluster memberi bantuan dan sokongan dan bimbingan kepada pihak sekolah</p> <p>KPI Tahun 2018: <ul style="list-style-type: none"> Semua sekolah dapat menggunakan BTS-TPA dengan baik Semua sekolah dapat melaksanakan SSE dengan baik dan berkesan. </p>			
29	BTS-TPA: Khidmat pemantauan dan sokongan di sekolah-sekolah rendah dan menengah sekolah Kerajaan, Negara Brunei Darussalam			✓	<p>OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none"> Memberi lebih impak positif dan berkesan BTS-TPA Merapatkan jurang perbezaan penilaian Nazir dan SMT Merangka strategi penambahbaikan kualiti prestasi guru-guru di sekolah-sekolah </p> <p>SASARAN Melibatkan semua SMT dan Nazir. SMT akan terlibat latihan bersama nazir di sekolah masing-masing</p> <p>KPI Tahun 2018: <ul style="list-style-type: none"> 2 orang SMT setiap sebuah sekolah diberi latihan proses pencerapan menggunakan TPA 2 buah sekolah seminggu - 4 orang SMT 1 minggu 7 buah sekolah bagi setiap nazir Rapatkan jurang gred penilaian TPA guru-guru yang dicerap oleh SMT dan Nazir. (Data Gred Keseluruhan set 1 hingga 4 dinilai oleh SMT bagi Gred 3 adalah 48.41%, manakala guru yang dinilai oleh Nazir gred 3 adalah 18.48% iaitu data berdasarkan 22097 pencerapan pengajaran dan pembelajaran terhadap 6315 orang guru oleh SMT berbanding catatan data berdasarkan 2511 pencerapan pengajaran dan pembelajaran terhadap 2320 guru oleh Nazir dari bulan Januari hingga April 2017) </p>	Pelaksanaan pemantauan dan khidmat sokongan untuk memantapkan penggunaan BTP-TPA di sekolah-sekolah rendah dan menengah sekolah Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan memberi latihan bagi meningkatkan kompetensi Pasukan Kepimpinan Sekolah (SMT) dalam pencerapan pengajaran melalui: <ul style="list-style-type: none"> Latihan 'one to one' Nazir dan SMT dengan menjalankan pencerapan pengajaran bersama untuk membimbing dan meningkatkan kompetensi dalam menggunakan BTS-TPA Perbincangan bersama pihak sekolah berkenaan data BTS-TPA 		
30	Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah (SSE) di semua Sekolah Kerajaan Negara Brunei Darussalam			✓	<p>OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none"> Menguukuhkan pelaksanaan SSE dan keberkesanan SSE dalam menambahbaik kualiti penyediaan pendidikan di sekolah. Merangka strategi penambahbaikan kualiti prestasi standard pendidikan di sekolah-sekolah </p> <p>SASARAN Melibatkan semua Nazir bersama pasukan Pengurusan Sekolah (SMT) masing-masing mengikut kluster untuk memberikan khidmat sokongan melalui sosialisasi semula dan memberi latihan proses SSE</p> <p>KPI Tahun 2018: Semua sekolah melaksanakan SSE berpandukan rangka kerja / sistem WSE:SSE</p>	Pelaksanaan pemantauan dan khidmat sokongan untuk memantapkan pelaksanaan penilaian kendiri sekolah (SSE) di sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan, Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kompetensi SMT dalam sistem dan proses (SSE). JKSS berinisiatif memberi khidmat sokongan dan pemantauan berterusan seperti: <ul style="list-style-type: none"> Latihan 'one to one' dari Nazir kepada SMT sekolah Perbincangan bersama pihak sekolah berkenaan data analisis dan pelaporan SSE Menjalankan bimbingan dan sokongan berterusan kepada SMT 		

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI							
31	Program Perkembangan Teknologi Pendidikan (PTP)	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan kerja secara proaktif ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan aset-aset IT dan isu-isu mengenai dengan peralatan dan / sistem IT di sekolah-sekolah yang berkenaan supaya akan dapat ditangani dengan seberapa segeranya. • Untuk mendokong pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti melalui teknologi info-komunikasi (ICT) serta memastikan perkhidmatan ICT yang berkualiti, selamat dan efisien dengan menyediakan cadangan dan standard prosedur semasa lawatan berkenaan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan penghapusan peralatan IT / pembelian balik (buyback) peralatan IT / prasarana ICT / sistem INEIS / lesen peralatan IT / penggunaan emel rasmi / maklumat perisian pengajaran dan pembelajaran. 	Pelaksanaan lawatan kerja bulanan ke sekolah rendah dan menengah kerajaan selain dari perkhidmatan 'service desk' yang disediakan bagi aduan kerosakan atau bantuan ICT untuk pihak pengguna Kementerian Pendidikan termasuklah pihak sekolah - sekolah.	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> • Perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan serta merta kerana melibatkan jabatan dan agensi lain. • Perubahan pengurusan dan kerjasama daripada pihak sekolah TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> • Membuat memo susulan kepada sekolah-sekolah yang dilawati mengenai perkara-perkara yang perlu tindakan mengeniannya. • Susulan program, tahun ke dua (F2) yang mana akan mula perlaksanaannya pada Julai 2017 dengan mengutamakan sekolah yang terdapat perkara-perkara berbangkit. 	Memberi bantuan secara profesional dan teknikal serta mendorong pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti melalui teknologi maklumat dan info-komunikasi (ICT)
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK							
32	Pengiktirafan ISO 9001:2008	✓		Sebagai usaha untuk mewujudkan pengajian teknikal yang berkualiti, IBTE telah memulakan Sistem Pengurusan Kualiti bagi memenuhi piawaian ISO 9001:2008 <i>Quality Management System</i> (QMS) yang mana ianya mempunyai objektif seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan keyakinan umum bahawa kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh IBTE seperti Pendaftaran kemasukan pelajar, Perkembangan kurikulum, Pengajaran & Pembelajaran, dan penilaian pelajar dipelihara serta usaha penambahbaikan berterusan (<i>continuous improvement</i>) dilaksanakan untuk memenuhi Standard ISO 9001:2008 melalui QMS <i>Internal Audit</i> dan QMS <i>external audit</i> yang telah dijalankan. 2. Membantu usaha pengiktirafan dan akreditasi program-program yang ditawarkan oleh IBTE diperingkat nasional dan antarabangsa yang mana merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh IBTE kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh badan profesional seperti IMO bagi program Diploma Kejuruteraan <i>Marine dan Nautical Studies</i> yang ditawarkan oleh BMA, pengiktirafan <i>The Welding Institute (TWI)</i> bagi program kimpalan (<i>welding</i>) dan yang sedang diusahakan untuk mendapatkan pengiktirafan OPITO bagi kursus singkat IMIST khusus bagi graduan-graduan IBTE. 3. Membantu untuk memastikan fungsi IBTE yang tercatat dalam Perintah Institusi Pendidikan Teknikal Brunei 2014 dapat dilaksanakan dengan teratur dan teliti. 	Usaha IBTE dalam kualiti telah bermula dengan Pensijilan QMS ISO 9001:2000 Jabatan Kejuruteraan Marin di IBTE Kampus Jefri Bolkliah pada tahun 2009 sebagai suatu keperluan Pertubuhan Maritim Antarabangsa. IBTE kemudian mengambil keputusan strategik untuk memperkenalkan QMS kepada seluruh kampus dan bahagian-bahagian lain yang berkaitan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan teknikal yang berkualiti tinggi bagi pihak-pihak yang berkepentingan dan sejajar dengan strategi transformasi IBTE. Pensijilan ISO 9001:2008 adalah bertepatan pada masanya kerana ia adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan untuk mengubah Negara Brunei Darussalam kepada suatu bangsa yang diiktiraf secara meluas sebagai masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Pengiktirafan ISO9001:2008 akan dapat	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan lebih ramai juruaudit dalaman yang berkemahiran dalam mengendalikan ISO 9001:2008 • Untuk mendapatkan juruaudit yang bersedia untuk menjalankan audit dalaman TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengekalkan pematuhan sistem piawaian ISO • Menyesuaikan dengan budaya Sistem Pengurusan Kualiti 	IBTE telah diberikan pengiktirafan ISO 9001:2008 pada 16 Mei 2016

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
33	Penubuhan Bahagian Pengurusan Kualiti		✓		<ul style="list-style-type: none"> Untuk mengawasi proses berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), (perancangan, sokongan, kesinambungan produk dan proses penambahbaikan) Memberi sokongan kepada program-program bagi memperoleh pensijilan / akreditasi antarabangsa dan kebangsaan Memastikan QMS & Dasar akademik IBTE dikomunikasikan dan dilaksanakan dalam IBTE dan kampus/sekolah Untuk menyokong wakil pengurusan sekolah IBTE untuk mengenal pasti dan merancang aktiviti dan sumber yang diperlukan untuk membangun, melaksanakan dan mengekalkan QMS dan mencapai standard kualiti Memantau dan menilai proses pengajaran & pembelajaran dan peperiksaan & penilaian setiap program 	<p>Bahagian Pengurusan Kualiti ditubuhkan adalah untuk memastikan Sistem Pengurusan Kualiti yang beroperasi di institut secara berkeson dan cekap. Ianya adalah untuk memastikan IBTE akan dapat melaksanakan dan mengekalkan amalan kerja yang terbaik dalam menyampaikan dan menyokong pendidikan dan latihan berkualiti dengan mematuhi garis panduan dan keperluan yang bersesuaian dan akan berusaha untuk memperbaiki Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan. IBTE adalah tertakluk kepada audit kualiti oleh badan-badan pemberi kuasa luar untuk perkhidmatan yang disediakan oleh IBTE dan kampus-kampusnya sebagai Provider of Industry Led Technical Education And Training untuk memastikan bahawa program dan operasi memenuhi piawaian yang telah ditetapkan.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti pegawai yang sesuai untuk mengisi jawatan penyelaras pensijilan program Kekurangan kakitangan di dalam Bahagian Pengurusan Kualiti. (Hanya seorang pegawai sepenuh masa, Pengarah Bahagian) <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <p>Mengemaskini maklumat-maklumat yang sedia ada</p>	<p>Bahagian Pengurusan Kualiti telah banyak memberikan perkhidmatan dari segi pemantauan pengurusan hal ehwal akademik di sekolah-sekolah IBTE</p>
34	Penubuhan Audit Dalam		✓		<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan rancangan audit untuk dihadapkan kepada Pengerusi Komite Audit bagi mendapatkan kebenaran dan pengesahan Memeriksa dan menilai semua amalan-amalan, sistem, proses dan prosedur yang sedia ada di IBTE Mencadang dan memberi nasihat jika perlu mengenai dengan amalan-amalan terbaik Memastikan samada IBTE mematuhi polisi, peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada Memastikan samada aset IBTE dihitungkira dan di jaga dengan baik daripada sebarang kehilangan Membuat projek pengauditan khas apabila dikehendaki oleh pengerusi IBTE dan Pegawai Atasan Membuat laporan audit dan cadangan-cadangan kepada pihak IBTE untuk diteliti dan dihadapkan ke pengerusi IBTE Mengawasi pelaksanaan semua cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh pihak Audit Mengawasi kerja-kerja audit dalaman IBTE dengan pihak audit luar. 	<p>Audit dalaman IBTE ditubuhkan adalah sebagai satu penilaian bebas dan jaminan secara objektif serta aktiviti perundingan yang dipandu dengan falsafah menambah nilai untuk memperbaiki operasi jabatan dan sekolah-sekolah di bawah kawalan IBTE. Ianya ditubuhkan bagi membantu bahagian-bahagian dan sekolah-sekolah dibawah kawalan IBTE dalam mencapai objektifnya dengan membuat pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan memperbaiki keberkesanan pengurusan risiko organisasi berkenaan, proses-proses kawalan dan tadbir urusannya. Selain itu, Audit Dalaman IBTE juga ditubuhkan adalah untuk memastikan semua aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh bahagian-bahagian dan sekolah-sekolah di bawah kawalan IBTE menurus kepada mencapai visi, misi dan objektif IBTE.</p>	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Projek audit terhad kerana kekurangan pegawai audit (diperbantukan). Dimana mereka juga tenaga pengajar Projek audit juga ada dibuat oleh pihak lain yang mana pihak yang diaudit juga perlu memberi kerjasama kerana jadual pengauditan yang berdekatan. <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <p>Kemahiran audit bagi pegawai perlu ditingkatkan setiap masa bagi memastikan kualiti pengauditan akan sentiasa meningkat. Latihan berterusan adalah penting.</p>	<p>Audit Dalaman adalah bahagian di dalam IBTE yang diberikan kuasa untuk memantau hal ehwal pentadbiran dan pengurusan IBTE serta melaporkan kepada Ahli Jawatankuasa Audit IBTE</p>
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM								
35	Perancangan Strategik UBD (2016-2020)		✓		<p>Perancangan Strategik UBD (2016-2020) memastikan arah tuju Universiti adalah sejajar dengan aspirasi negara dan Wawasan 2035, memastikan UBD sentiasa relevan dan memberikan kesan global dalam segala aspek</p>	<p>Perancangan Strategik UBD (2016-2020) dibahagi kepada 5 strategi teras utama yang berlandaskan Melayu Islam Beraja dan meliputi kepimpinan, inovasi dan juga budaya keusahawanan di setiap peringkat samada kakitangan atau pun penuntut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Memupuk inovasi dan keusahawanan Menggerakkan institut dan pusat penyelidikan agar berupaya memberi kesan global Menyemai pengajaran dan berperspektif global Mempromosikan jenama UBD sebagai Universiti yang global dan cemerlang Meningkatkan tadbir urus Universiti kearah menggalakkan kepimpinan dan keusahawanan di Universiti 		<p>Pelan strategik UBD 2016-2020 telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang-Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor Universiti Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen UBD ke-28</p>

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
36	Naik Taraf Pusat Pendidikan Berterusan (Continuing Education Centre) ke Centre for Lifelong Learning (C3L)			✓	C3l akan menjadi pemangkin untuk pengajaran, pembelajaran inovatif dan pembangunan profesional dalam pendidikan tinggi melalui pendidikan berterusan	C3L menawarkan program-program khusus bagi para profesional yang ingin meningkatkan diri melalui program pendidikan berterusan melalui laluan secara online atau di kampus dalam masa yang ditetapkan sendiri	Pengkitrafan kursus-kursus di sektor awam dan swasta serta perubahan <i>mindset</i> terhadap pendidikan berterusan	Sejak dinaik taraf C3L telah berjaya menawarkan: 1) 14 kursus pendek dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, kewangan, teknologi dan pelancongan 2) Kursus peringkat Sarjana Muda Sains dalam bidang ekonomi digital 3) Kursus peringkat sarjana dalam bidang polisi dan pentadbiran (<i>Master of Government</i>) Pada pengambilan pelajar kali pertama bagi C3L pada bulan Januari 2017, Sesi akademik 2016/2017, seramai 120 pelajar telah mengikuti program ditawarkan C3L. mengikut perangkaan seramai 14% pelajar terdiri daripada yang belum mendapat pekerjaan dan 64% terdiri daripada warga yang bekerja aktif di pelbagai sektor industri
37	University Graduate Scholarship (UGS)	✓			Skim UBD <i>Graduate Scholarship (UGS)</i> adalah skim khusus bagi pelajar-pelajar cemerlang diperingkat PhD dengan diberikan kemudahan elauan yuran, tempat tinggal dan tiket penerbangan (bagi pelajar antarabangsa)	Skim <i>University Graduate Scholarship (UGS)</i> bagi pelajar-pelajar cemerlang diperingkat PhD diperkenalkan bagi menggantikan skim <i>Graduate Research Scholarship (GRS)</i> yang tidak lagi ditawarkan pada masa ini. Sejak skim <i>GRS</i> ditawarkan, sebanyak 159 pelajar telah mengikuti pengajian peringkat PhD, 181 penerbitan telah diterbitkan dan 13 paten telah difailkan dan 2 dari paten tersebut mempunyai potensi untuk dikomersialkan. Skim tersebut diharapkan akan memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi diri dalam penyelidikan dan seterusnya menaikkan nama Universiti	Peruntukan terhad Keramaian pelajar yang berminat terhad	Seramai 23 orang pelajar telah dianugerahkan <i>Universiti Graduate Scholarship</i> dimana 10 orang daripadanya adalah terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam
38	University Bursary Award (UBA)	✓			Skim <i>University Bursary Award (UBA)</i> adalah skim khusus bagi pelajar-pelajar cemerlang diperingkat PhD dengan diberikan kemudahan yuran dan tempat tinggal.	Skim UBD <i>Bursary Award</i> dilartakan kepada penuntut sepenuh masa peringkat Ijazah Kedoktoran samada penuntut tempatan atau antarabangsa. Skim tersebut diharapkan akan memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi diri dalam penyelidikan dan seterusnya menaikkan nama <i>University</i>	Peruntukan terhad Keramaian pelajar yang berminat terhad	Seramai 6 pelajar telah dianugerahkan <i>University Bursary Award</i> yang mana seorang daripadanya adalah warga Negara Brunei Darussalam
39	Naik Taraf <i>Office of Planning and Development (OPD)</i> kepada <i>Office of Strategy, Delivery and Institutional Advancement (SeDIA)</i>		✓		Naik taraf <i>Office of Planning and Development (OPD)</i> kepada <i>Office of Strategy Delivery dan Institutional Advancement (SeDIA)</i> dilaksanakan selaras dengan keperluan UBD untuk menggunakan <i>delivery approach</i> dan <i>lean management</i> .	Keperluan pemantauan dan penilaian dalam mengukayahkan projek-projek dan inisiatif UBD terutamanya yang berkenaan dengan Perancangan Strategik UBD (2016-2020) yang lebih berstruktur dan berdasarkan fakta dan data agar menepati dengan sasaran		Telah diimplementasikan
40	UBD <i>ICT Policy</i>	✓			UBD <i>ICT Policy</i> digunakan oleh UBD untuk meningkatkan tanggungjawab dan etika pemakaian penggunaan keatas kemudahan ICT yang disediakan oleh UBD	Dengan adanya dasar ini, ianya boleh mengurangkan atau menghalang daripada penyalahgunaan kemudahan ICT di UBD		Telah diimplementasikan
41	UBD <i>Occupational Safety and Health Policy</i>	✓			UBD <i>Occupational Safety and Health (OSH) Policy</i> digunakan oleh UBD bagi menunjukkan komitmen UBD terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja	Dengan adanya dasar ini, UBD akan dapat memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terjamin		Telah diimplementasikan

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
42	Penubuhan <i>Institute of Applied Data Analytic (IADA)</i>	✓			<i>Institute of Applied Data Analytical (IADA)</i> ditubuhkan sebagai kesinambungan terhadap projek-projek penyelidikan yang dihasilkan melalui kolaborasi di antara UBD dan IBM (2010-2016) di pusat yang sebelum ni dikenali sebagai UBD IBM Centre, Fokus penyelidikan IADA ialah dalam bidang <i>Informatics dan Analytics</i>	IADA akan memberi tekanan terhadap perkembangan ilmu (<i>knowledge development</i>) dan pembangunan kapasiti melalui penyelidikan dan konsultasi		Telah ditubuhkan dan pada masa ini mempunyai seorang staf akademik dan diketuai oleh seorang pengarah
43	UBD-FPT Global Centre	✓			Penubuhan FPT-UBD Global Centre di Da Nang, Vietnam adalah hasil kolaborasi UBD bersama FPT Universiti Vietnam yang bermula melalui MoU pada tahun 2013. FPT-UBD Global Centre menawarkan kursus Bahasa Inggeris dan Komunikasi kepada pelajar FPT University serta pegawai-pegawai sektor kerajaan dan swasta	Penubuhan FPT-UBD Global Centre ini akan dapat dimanfaatkan oleh UBD dari segi: a) Mengurangkan pengagguran <i>graduate</i> dan memberikan mereka pengalaman dan pendedahan sebagai tenaga pengajar b) Menaikkan profil UBD c) Perancangan jangka panjang ialah untuk bekerjasama dengan STI Park di Da Nang. d) Brunei sebagai <i>hub for English Language Training</i> untuk komuniti ASEAN dan dirantau ini		13 orang tempatan telah dilantik sebagai guru secara bekontrak selama 2 tahun dibawah tabung UBD 2 tenaga akademik diperbantukan sepenuh masa untuk membimbing guru-guru tersebut dalam pengajaran UBD-FPT <i>Global Centre</i> mula beroperasi pada Julai 2017 Seramai 557 pelajar telah mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan
44	FPT-UBD <i>Innovation Lab</i>	✓			Kolaborasi di antara pihak UBD dengan FPT Software. FPT software adalah sebuah syarikat terbesar perkhidmatan IT dalam <i>data analytics, Internet of Things (IoT),</i> mobiliti dan pengkomputeran awan (<i>cloud computing</i>) di Vietnam yang dipunyai oleh FPT corporation	FPT-UBD <i>Innovation Lab</i> bertempat di Universiti Brunei Darussalam akan dijalankan oleh tenaga akademik dari FPT University dan FT Software bersama tenaga akademik UBD dan akan menawarkan pelbagai kursus dan konsultansi kepada pelajar UBD, sektor Industri dan awam yang menitik beratkan latihan <i>hands-on</i> . Fokus UBD-FPT <i>Innovation lab</i> ada 5 iaitu: <i>Mobile apps, Cloud Computing, Bi Data, Internet of Things (IoT)</i> dan <i>Cyber Security</i> .		Telah ditubuhkan pada September 2017. UBD-FPT <i>Innovation Lab</i> telah menawarkan kursus 16 minggu bagi kohort pertama seramai 11 orang dimana peserta didedahkan kepada <i>Mobile Apps, Cloud Computing, Big Data, Internet of Things (IoT)</i> dan <i>Cyber Security</i> .
45	<i>Lab Attachment Scheme</i>	✓			<i>Lab Attachment Scheme (LAS)</i> merupakan cuti penyelidikan khas bagi tenaga akademik yang aktif dan giat menghasilkan penerbitan berimpak tinggi terutamanya dalam bidang sains dan teknologi bagi menjalankan penyelidikan di makmal institusi luar negeri yang terdiri dari rakan Universiti Brunei Darussalam	LAS bertujuan untuk menggalakkan dan membolehkan tenaga akademik membuat eksperimen dengan menggunakan peralatan khusus yang tidak terdapat di UBD. Dengan adanya LAS, UBD akan dapat memastikan aktiviti penyelidikan dan penerbitan sentiasa ditahap yang tinggi dan hubungan UBD dengan rakan Universiti bertambah baik		Telah mula diimplementasikan
46	Perubahan Struktur UBD Penyelidikan dan Inovasi Menjadi Dua Bahagian Berlainan: Penyelidikan Inovasi dan Keusahawanan		✓		Perubahan struktur organisasi UBD terutamanya di bahagian Penyelidikan dan Inovasi bagi mendokong usaha UBD untuk memastikan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan inovasi adalah lebih strategik, efisien dan kos efektif	Dengan struktur baru, Bahagian Inovasi dan Enterprise dan Bahagian Penyelidikan, masing-masing akan diketuai oleh Penolong-Penolong Naib Canselor. Pada masa yang sama akan dapat memberi perhatian khusus terhadap niche areas iaitu <i>biodiversity, energy studies, Asian Studies, Islamic Governance</i> dan <i>Data Analytics</i>		Telah mula diimplementasikan
47	Skim <i>Writing Semester (WSS)</i>	✓			Skim ini dibukakan kepada tenaga akademik UBD yang bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan hasil penyelidikan penulisan dan penerbitan dimana mereka dibenarkan untuk sementara waktu terlepas daripada menjalankan tugas-tugas rutin terutama sekali didalam pengajaran mahupun bidang pentadbiran	Memperbanyakkan hasil penyelidikan dan penerbitan dari kalangan tenaga akademik tempatan Menggalakkan tenaga akademik untuk membuat penyelidikan dan penghasilan penulisan dan penerbitan		Sejak WSS diperkenalkan pada tahun 2016 lalu, terdapat seramai 12 orang tenaga akademik telah / sedang mengikuti skim ini dan berjaya menghasilkan penyelidikan / penerbitan pada waktu yang ditetapkan

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
48	Promotion exercise for Academic Staff			✓	Sistem kenaikan pangkat yang baru bagi tenaga akademik dibawah Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA)	Menggalakkan para akademik yang mempunyai potensi agar dapat meningkatkan dan membanguan karier masing-masing selaras dengan keperluan Universiti dan Negara.		Sebanyak 38 permohonan kenaikan pangkat telah diterima dan pemohonan ini masih di dalam proses pertimbangan di mana beberapa peringkat menyuarat telah diadakan mengikut proses tindakan yang ditetapkan
49	Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah - Universiti Brunei Darussalam Foundation Bursary	✓			Skim Biasiswa bagi para penerima untuk mengikuti Program UniBridge secara sepenuh masa. Program UniBridge ini adalah program selama satu semester yang menawarkan laluan kemasukan alternatif jika lulus peperiksaan kepada para pelajar yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi untuk mengikuti Sarjana Muda di UBD	Mencapai hasrat Wawasan 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dengan menghasilkan rakyat yang berpendidikan Memberikan peluang pendidikan kepada semua lapisan terutama kepada yang kurang berkemampuan		Sejak ianya diluluskan pada 01 Disember 2016, sebanyak lebih kurang 7 orang telah pun memohon dan seorang pemohon telah dianugerahkan skim biasiswa
50	UBD Mentorship Programme			✓	UBD Mentorship Programme ini merupakan satu program selama enam (6) bulan dimana para mahasiswa atau alumni UBD akan dapat maklumat khidmat nasihat dan tunjuk ajar daripada mentor yang dipilih	Menghasilkan graduan yang serba boleh, berpendidikan dan berkemahiran Menyediakan platform bagi para alumni, korporat dan mahasiswa untuk berhubung diantara satu sama lain Memberikan platform bagi para alumni untuk dapat menyumbang kembali kepada Universiti.	Sejak diluluskan pada bulan Oktober 2017, sebanyak 11 orang Mentor telah dilantik dan 11 orang mentee menyertai program ini	
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI								
51	Sistem Maklumat Personnel UNISSA		✓		<ul style="list-style-type: none"> Mengeluarkan maklumat dan keterangan peribadi semua warga UNISSA secara teratur kecuali dan bersistematik Sebagai alternatif permudahcara untuk mencari atau mencapai maklumat peribadi warga UNISSA Segala maklumat dapat dicapai dengan mudah dan semua maklumat sulit terjamin 	Sistem secara Intranet menyimpan keterangan dan maklumat peribadi semua warga kerja UNISSA kecuali pelajar. Ianya berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan data dan maklumat warga UNISSA dengan lebih teratur dan bersistematik	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> Yang ditugaskan perlu memahirkan diri dalam mengendalikan sistem Capaian Internet yang kurang laju TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> Membuat latihan kemahiran dalam pembikinan dan pelaksanaan sistem Mempercepatkan kelajuan Internet 	Proses lebih cepat
52	Sistem Pengurusan Universiti (UMS)		✓		<ul style="list-style-type: none"> Sistem ini merekodkan semua nama pelajar yang mendaftar setiap semester bermula Sistem ini merekodkan kursus-kursus yang diambil oleh setiap pelajar di setiap semester Sistem ini merekod dan mengira markah-markah setiap kursus yang diambil dari awal hingga tamat kuliah Pensyarah-pensyarah yang mengajar setiap kursus memasukkan markah pelajar dan aplikasi ini akan mengira semua markah secara bersistematik 	Sistem ini adalah untuk pengurusan akademik pelajar-pelajar UNISSA di mana segala markah-markah setiap kursus direkodkan dan dikira dari awal tahun kemasukkan hinggalah tamat kuliah secara bersistematik	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> Yang ditugaskan perlu memahirkan diri dalam mengendalikan sistem Capaian Internet yang kurang laju TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> Membuat latihan kemahiran dalam pembikinan dan pelaksanaan sistem Mempercepatkan kelajuan Internet 	Proses lebih cepat
53	Sistem Permohonan Jawatan Secara Online		✓		<ul style="list-style-type: none"> Sistem ini digunakan untuk mengeluarkan iklan jawatan kosong UNISSA Bagi membolehkan orang awam membuat permohonan jawatan kosong di UNISSA secara dalam talian (online) tanpa perlu hadir ke UNISSA yang mungkin berjauhan dari kawasan tempat tinggal Orang awam juga boleh mendapatkan apa jua borang secara online dan perkhidmatan dengan mudah melalui sistem ini Percepatkan proses <i>shortlisting</i> dan temuduga kerana data sudah tersedia didalam sistem 	Sistem aplikasi ini adalah sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat jawatan kosong (UNISSA) yang terkini. Sistem ini dapat dicapai melalui internet bagi permohonan jawatan akademik dan bukan akademik. Sistem ini berupaya untuk meningkatkan kecekapan pelbagai aktiviti tugas dalam pengurusan dan pentadbiran UNISSA.	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> Yang ditugaskan perlu memahirkan diri dalam mengendalikan sistem Capaian Internet yang kurang laju TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> Membuat latihan kemahiran dalam pembikinan dan pelaksanaan sistem Mempercepatkan kelajuan Internet 	Proses lebih cepat

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
54	Student Portal		✓		<ul style="list-style-type: none"> Sistem ini merekodkan semua detail personal pelajar, asrama, perpustakaan, kegiatan, kewangan dan sebagainya Sistem ini merekodkan secara 'centralized data' bagi menghasilkan data terkini Sistem ini memudahkan pencarian data pelajar secara cepat, tepat dan bersistematik Sistem ini mengelakkan tugas bertindih dan berulang-ulang di bahagian-bahagian yang berkenaan 	Portal ini adalah untuk pengurusan maklumat pelajar-pelajar UNISSA secara online yang mana dapat dicapai secara 'centralized data' oleh setiap fakulti/pusat/bahagian/unit	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Yang ditugaskan perlu memahirkan diri dalam mengendalikan sistem Capaian Internet yang kurang laju <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Membuat latihan kemahiran dalam pembikinan dan pelaksanaan sistem Mempercepatkan kelajuan Internet 	Proses lebih cepat
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI								
55	Program Muzakarah			✓	<ul style="list-style-type: none"> Bertujuan untuk berkomunikasi, mendengar dan berdialog secara terbuka dengan pegawai dan kakitangan di UTB bagi hal ehwal Mengeratkan silaturahmi Dengan adanya <i>Transfer of Information</i>, melalui budaya <i>learning organisation</i> dan <i>knowledge management</i>, segala pelan jangka pendek dan panjang dapat dikongsikan bersama. Ini perlu agar semua peringkat Pegawai dan kakitangan mengetahui tujuan dan keperluan aktiviti yang dilaksanakan di UTB Peluang untuk bertukar fikiran dengan orang bawahan -<i>bottom up communication</i> Peluang untuk mengisytiharkan <i>milestone</i>, struktur dan dasar Peluang untuk memberitahu visi dan tujuan dan perkara yang perlu di buat, termasuk KPIs- <i>top down communication</i> Medapatkan maklumat daripada staff mengenai cara bekerja, suka bekerja, motivasi bekerja dan masalah kerja dan sebagainya, 	Program Muzakarah adalah sesi perbincangan bersama pegawai dan kakitangan di UTB bertujuan untuk mengeratkan hubungan anggota UTB disemua lapisan struktur, berkongsi-sama kejayaan yang dikecapi dan masalah yang dihadapi dalam sama-sama mencapai wawasan UTB 2018. Program ini diadakan tidak kurang dari 4 kali setahun dengan semua anggota UTB. Ini termasuk sesi <i>learning organisation</i> bagi tujuan berkongsi pencapaian dari visi UTB (2-3 kali setahun) melalui sesi 'Address by VC', perhimpunan hari raya, annual gathering dan perhimpunan tahun baru. Program ini diadakan berikutan dari feedback pegawai dan kakitangan UTB yang mengikuti change management workshop yang diadakan pada tahun 2014, difasilitasi oleh Vice Chancellor sendiri dan pegawai kanan.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Staff resistance Kurang kepercayaan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Membanyakkan program muzakarah Menekankan budaya 'learning organisation' atau berkongsi informasi 	Peningkatan dari segi moral dan pelakuan organisasi seperti berpikiran lebih positif dan mempunyai kefahaman mengenai sistem, proses dan prosedur kerja
56	Staff Excellence Award			✓	<ul style="list-style-type: none"> Untuk mengenalpasti pensyarah dan kakitangan yang berkualiti dan berdaya saing. Meningkatkan moral yang menjurus kepada produktiviti Penekanan terhadap hal ehwal kebajikan serta kesejahteraan pegawai dan kakitangan Pengiktirafan . Insentif kepada pegawai dan kakitangan yang layak. 	Staff Excellence Award (SEA) adalah projek untuk mengenalpasti pensyarah dan kakitangan yang telah memberikan sumbangan mereka kepada pengajaran dan pembelajaran penuntut, penyelidikan dan proses pentadbiran.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Staff resistance Kurang kepercayaan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Membanyakkan program muzakarah Menekankan budaya 'learning organisation' atau berkongsi informasi 	
POLITEKNIK BRUNEI								
57	Mengukuhkan Kerjasama Industri			✓	Membolehkan penyediaan program-program berkaitan yang sesuai dengan keperluan industri serta memenuhi permintaan ekonomi dan juga memperuntukkan sumber-sumber dengan lebih cekap dan berkesan.	Penglibatan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan adalah penting dalam memastikan PB terus menyediakan program-program yang berkaitan yang sesuai dengan keperluan industri dan memenuhi permintaan ekonomi. Mengukuhkan perkongsian dengan industri yang berkaitan adalah penting untuk menjadikan PB sebagai institusi teknikal yang dinamik dan progresif. Beberapa Memorandum Persefahaman, atau Memorandum of Understanding (MoU) dengan industri tempatan yang berkaitan telah ditandatangani dan banyak lagi dalam perancangan, termasuk agensi-agensi di luar negara, untuk membantu mengukuhkan kerjasama dan perkongsian yang sedia ada. Ini seterusnya akan membentuk PB untuk merancang dan membangunkan program-program dan memperuntukkan sumber-sumber dengan lebih cekap dan berkesan.		